



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

BAPA QAWWAM, WIRA TIDAK DIDENDANG

Tarikh Bacaan :

**19 Rejab 1447H
9 Januari 2026M**

**Disediakan oleh :
Cawangan Khutbah & Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**BAPA QAWWAM, WIRA TIDAK DIDENDANG**

19 Rejab 1447H/ 9 Januari 2026M

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ
بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَأَلْصَقْتَ قَيْنْتُكَ حَفِظَتْ
لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّذِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُمْ فَعِظُوهُمْ وَأَهْجُرُوهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ
وَأَضْرِبُوهُمْ فَإِنْ أَطَعَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِمْ سَبِيلًا ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا﴾ (٣٤)

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita bangunkan ketakwaan kepada Allah, suburkan jiwa kehambaan dengan ketaatan melakukan segala suruhan dan istiqamah menjauhkan dan meninggalkan segala perbuatan kemungkar. Semoga kita dapat meraih kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tinggalkan semua perkara *lagha* yang menghilangkan ganjaran Jumaat. Lupakan sejenak urusan dunia dan berikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Bapa Qawwam, Wira Tidak Didendang**”.

**Kaum Muslimin yang Dimuliakan Allah,**

Bapa merupakan figura penting dalam kehidupan seorang anak selain ibu. Justeru pada keduanya ada hak, tanggungjawab dan amanah yang perlu digalas. Hakikatnya, tanggungjawab dan peranan kaum bapa adalah sangat besar. Jatuh bangun sesebuah keluarga bergantung kepada didikan yang diterapkan bapa kepada anak. Bapa bukan hanya berperanan mencari dan memberi nafkah namun apa yang lebih penting adalah untuk memastikan anak-anak mendapat kejayaan yang bukan sekadar kejayaan di dunia malahan di akhirat.

Ayat yang dibacakan pada awal khutbah tadi dari surah al-Nisa' ayat 34 yang bermaksud *"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulalah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar."*



Ayat ini dengan jelas mengajar kita bahawa setiap lelaki khususnya bapa perlu memahami dan mempraktikkan konsep qawwamah (kepimpinan). Imam al-Qurtubi di dalam tafsirnya al-Jami' li Ahkam al-Quran menyatakan bahawa qawwam bermaksud mengetuai sesuatu dan memiliki kuasa penentu dalam suatu keputusan serta bertanggungjawab menjaganya dengan penuh kesungguhan. Setiap individu yang bergelar bapa perlu ada sifat qawwam dalam erti kata menjadi bapa yang memimpin dengan penuh rasa amanah, tanggungjawab serta memastikan keselamatan akidah dan juga akhlak anak serta keluarga.

Perkara ini selari dengan sabda Rasulullah saw yang menyatakan bahawa setiap individu termasuk bapa adalah pemimpin dan perlu bertanggungjawab terhadap pimpinannya menerusi hadis riwayat Muslim daripada Ibnu Umar *radiallahuanhuma*:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ

Maksudnya: “Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua”

Ayat dan hadis tersebut menjelaskan peranan yang digalas di pundak individu yang bergelar bapa. Bapa merupakan figura contoh kepada anak-anak baik dari segi perkataan mahupun tindakan. Panggilan ayah, abi, papa mahupun baba datang dengan tanggungjawab memimpin dengan contoh yang baik. Contoh dalam percakapan, ibadah dan juga akhlak. Bapa yang menjaga



solat, tutur kata dan akhlak akan membentuk anak mengikut acuan dan teladan yang dilakukan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam kesibukan memastikan anak-anak cukup pakai dan makan, ada antara kita yang secara tidak langsung mengabaikan emosi dan psikologi anak-anak. Desakan hidup dan tuntutan kerja yang memaksa kaum bapa keluar sebelum anak bangun dan pulang setelah anak tidur menyebabkan anak-anak seolah-oleh anak yatim yang kehilangan belaian dan perhatian bapa.

Justeru, mimbar mengajak kita semua agar mengambil pengajaran untuk diteladani bagi menjadi bapa yang qawwam dan diredai illahi. **Pertama:** Memiliki jiwa murabbi. Bapa perlu sedar bahawa anak-anak adalah amanah dan milik Allah. Anak perlu dibentuk, dididik dan dibimbing dengan asas tauhid yang kukuh agar menjadi benteng kepada kehidupan anak. Anak dicorak oleh gaya didikan dan asuhan kerana setiap anak dilahirkan dalam keadaan bersih sebagaimana hadis riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah *radiyallahuanhu, sabda Rasulullah SAW:*

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ أَوْ نَصْرَانِهِ أَوْ مَجْسَانِهِ

yang bermaksud: “Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua-dua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”

Kedua: Peruntukkan masa yang berkualiti bersama keluarga, khususnya dengan anak-anak. Carilah dan ciptalah ruang untuk bersama mereka, walaupun singkat namun penuh makna. Usahakan solat berjemaah, makan bersama, beriadah mahupun bermusafir, saling membantu dalam urusan rumah tangga, mengisi masa lapang bersama keluarga, serta melaksanakan



pelbagai aktiviti lain yang sesuai dan bermanfaat demi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan menyemai kasih sayang sesama ahli keluarga.

Ketiga: Pupuk sifat ikhlas dalam diri. Didiklah anak kerana Allah dan tidak mengharap balasan melainkan redha-Nya. Setiap kesusahan yang dirasai sepanjang membesarkan anak perlu dikaitkan dengan perintah Allah. Marilah kita semai dalam diri kita bahawa Allah sentiasa ada bersama dalam setiap ujian dan karenah dari anak. Kekuatan akan lahir dari sifat ikhlas asbab yakin kita bahawa semua itu adalah ujian dari Allah dan hanya padaNya tempat berserah dan mengadu.

Saudara-Saudaraku yang dikasihi,

Marilah sama-sama kita memikul amanah dan tanggungjawab dalam memastikan generasi kita adalah generasi yang diberkati oleh Allah. Tiada istilah terlambat dalam mendidik anak yang merupakan amanah yang dianugerahkan Allah kepada kita. Lapangkan dada untuk mencari solusi terbaik dalam memberikan hak, amanah dan tanggungjawab kepada anak-anak. Allah tidak akan mensia-siakan jiwa-jiwa yang ikhlas, jujur dan mencari redhaNya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
والتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin Yang Dimuliakan Allah,

Mengakhiri khutbah, khatib tinggalkan beberapa pesanan sebagai ingatan bersama:

1. Berusahalah mengamalkan konsep qawwamah atau kepimpinan dalam keluarga, dengan penuh amanah dan tanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan akidah serta akhlak ahli keluarga sentiasa berada di bawah pemeliharaan Allah SWT. **2. Jadilah suri tauladan terbaik melalui tutur kata, ibadah, dan akhlak,** kerana setiap perbuatan seorang bapa merupakan acuan utama yang akan dicontohi dan membentuk sahsiah masa depan anak-anak. **3. Seimbangkan antara tuntutan mencari nafkah dengan keperluan pengisian emosi serta didikan agama anak-anak,** agar mereka tidak terabai dan seterusnya dapat menyelamatkan diri serta ahli keluarga daripada azab api neraka

Renungi firman Allah SWT yang menegaskan agar kita menjalankan amanah yang diberi sebagaimana firmanNya dalam surah At-Tahrim ayat 6:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ...﴾



Yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala)..”

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمُ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
 إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،
 صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سِرِي
 فَدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اَكُوغُ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ. وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سِرِي
 فَدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاكِجِ فَرْمَايَسُورِي اَكُوغُ رَاكِجِ زَارِيثِ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ أَصْلَحْ أَمْتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ رِضَاكَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا
 الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّبَا وَالْحِنْنَ، وَسَيِّئَ الْأَسْقَامِ وَسُوءَ الْفِتَنِ، مَا ظَهَرَ
 مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُجَاهِدِينَ
وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ. وَاحْفَظْهُمْ مِنْ كَيْدِ الظَّالِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْيَهُودَ الْمُجْرِمِينَ
الْمُعْتَدِينَ، يَا خَيْرَ النَّاصِرِينَ.

Ya Allah, jadikan kami hamba-hamba-Mu yang taat melaksanakan syariat, istiqamah berjemaah mendirikan solat, mengimarahkan masjid dan surau, membina muafakat, bersatu padu dan bekerjasama membangunkan kehidupan yang berkat.

Ya Allah, tautkan hati-hati kami untuk saling mengasihi, memberi bantuan dan menghulur sumbangan. Suburkan iman dan ihsan di jiwa kami untuk mengeluarkan zakat, infak dan berwakaf di Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kurniakanlah ke atas para pembayar zakat dan pewakaf sebaik-baik ganjaran dan limpahan keberkatan.

Ya Allah, bantulah kami untuk ikhlas dan gigih bekerja, sabar berusaha, tabah menabur jasa, jujur dan berintegriti dalam menjunjung amanah agama, bangsa dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ